

**KEBERKESANAN PENDEKATAN PEMBELAJARAN
BERPUSATKAN PELAJAR DALAM PENGAJARAN
BAHASA ARAB UNTUK KEWANGAN ISLAM
DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI
DI MALAYSIA**

NOR ZAHIDAH BINTI AHMAD

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



KEBERKESANAN PENDEKATAN PEMBELAJARAN
BERPUSATKAN PELAJAR DALAM PENGAJARAN
BAHASA ARAB UNTUK KEWANGAN ISLAM
DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI
DI MALAYSIA

NOR ZAHIDAH BINTI AHMAD



TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021





Please tick (✓)

Project Paper
Masters by Research
Master by Mixed Mode
PhD

✓

INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the⁹.....day of.....December 20²¹.....

i. Student's Declaration:

I, Nor Zahidah binti Ahmad, P20171001573, Fakulti Bahasa dan Komunikasi (PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare that the work entitled Keberkesanan Pendekatan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar dalam Pengajaran Bahasa Arab untuk Kewangan Islam di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

Signature of the student

ii. Supervisor's Declaration:

I Prof. Madya Dr. Muhammad Anas bin AlMuhsin (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that the work entitled Keberkesanan Pendekatan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar dalam Pengajaran Bahasa Arab untuk Kewangan Islam di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia (TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the Institute of Graduate Studies as a * partial/full fulfillment for the conferment of Ijazah Doktor Falsafah (Pendidikan Bahasa Arab) (PLEASE INDICATE THE DEGREE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Date

Signature of the Supervisor



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Keberkesanan Pendekatan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar dalam Pengajaran Bahasa Arab untuk Kewangan Islam di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia.

No. Matrik /Matric's No.: P20171001573

Saya / I : Nor Zahidah binti Ahmad

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/~~Sarjana~~)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 24/12/2021

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang dan segala pujian untuk Allah S.W.T serta selawat dan salam kepada junjungan mulia Nabi Muhammad S.A.W. Alhamdulillah, segala kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan Rahmat dan InayahNya telah mengizinkan saya untuk menyempurnakan kajian ini dengan jayanya. Setinggi-tinggi penghargaan yang tidak terhingga diucapkan kepada penyelia utama Profesor Madya Dr. Muhammad Anas Al-Muhsin atas bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang proses penyelidikan dijalankan. Tidak dilupakan juga, sekalung ucapan terima kasih saya titipkan buat penyelia bersama Profesor Madya Dr. Zulkifli Osman dan Profesor Madya Dr. Fidlizan Muhammad yang turut memberi nasihat dan semangat kepada saya dalam penulisan disertasi ini.

Di samping itu, sekalung penghargaan terima kasih juga ditujukan khas buat ibu dan bapa tercinta, Nooriani Awang Mat dan Ahmad Wahab yang tanpa jemu dan lelah memberi semangat dan dorongan mental dan emosi. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga untuk semua ahli keluarga dan sahabat handai atas titipan doa dan tiupan semangat yang tidak pernah putus untuk kejayaan ini.

Ucapan ribuan terima kasih juga buat para pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Utara Malaysia, Universiti Sultan Azlan Shah, dan Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah atas sokongan dan kerjasama yang diberikan begitu baik dalam membantu melancarkan urusan kajian ini dari awal sehingga akhir.

Akhir sekali, untuk teman seperjuangan yang banyak memberi kata-kata semangat, bimbingan dan nasihat dalam menyempurnakan kajian yang sederhana ini. Sesungguhnya, jasa kalian amatlah dihargai dan hanya Allah S.W.T sahaja yang mampu membalas segala budi baik dan jasa kalian dengan sebaik-baik ganjaran. Semoga segala cabaran, usaha dan penat lelah yang diharungi dapat memberi sumbangan kepada masyarakat, agama dan negara. Semoga amal yang sedikit ini diberkati dan mendapat keredaan dariNya.



ABSTRAK

Kajian ini mengkaji keberkesanan pelaksanaan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar dalam sesi PdPc terhadap minat dan tahap penguasaan akademik pelajar yang mengikuti kursus Bahasa Arab untuk Kewangan Islam di empat buah Institut Pengajian Tinggi di Malaysia. Penyelidikan dalam bidang BAUKI dilihat masih baru di Malaysia khususnya melibatkan skop pendidikan. Oleh yang demikian, kajian keberkesanan dalam PdPc ini dilihat sebagai satu keperluan selain dapat memanfaatkan sistem pendidikan negara. Gabungan reka bentuk deskriptif dan eksperimen kuasi dipilih berdasarkan teknik praujian dan pascaujian dengan menggunakan gabungan kaedah kuantitatif dan kualitatif dalam pengumpulan data. Seramai 57 responden telah dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan dan dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan eksperimen (30 orang) dan kumpulan kawalan (27 orang). Borang soal selidik digunakan bagi mengumpul data kuantitatif. Manakala pengumpulan data kualitatif dijalankan menerusi sesi temu bual separa struktur terhadap empat orang responden, pemerhatian lapangan, dan bukti dokumen. Pelajar dalam kumpulan eksperimen didedahkan dengan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar (PBP) manakala pelajar dalam kumpulan kawalan didedahkan dengan pendekatan pembelajaran berpusatkan pensyarah (PBG). Dua set soalan iaitu pra dan pascaujian telah diedarkan kepada kedua-dua kumpulan. Kesan PBP dan PBG ke atas minat pelajar dianalisis menggunakan MANCOVA, ANCOVA dan korelasi Pearson. Dapatan kajian soal selidik menunjukkan bahawa pendekatan PBP adalah berkesan dalam meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran berbanding pendekatan PBG dalam kursus tersebut. Kajian juga mendapati bahawa PBP dan PBG mempunyai hubungan signifikan dengan prestasi pelajar. Terdapat korelasi yang kuat antara minat dan prestasi mereka yang didedahkan dengan PBP dalam PdPc kursus Bahasa Arab untuk Kewangan Islam/Muamalat (BAUKI/BAUM). Selain itu, berdasarkan hasil temu bual dan pemerhatian lapangan didapati bahawa pelajar lebih bersikap proaktif dalam sesi pembelajaran. Secara keseluruhannya, pendekatan PBP adalah berkesan digunakan dalam sesi PdPc kursus ini dalam kalangan pelajar ISM Kewangan Islam dan ISM Muamalat. Pendekatan PBP yang bercirikan PAK21 dan trend Pendidikan 4.0 seperti perbincangan, penyoalan, lakon peranan, sumbang saran, penyelesaian masalah dan aktiviti berkumpulan didapati mampu meningkatkan minat dan penguasaan mereka untuk belajar kursus ini berbanding pendekatan pembelajaran konvensional. Kajian lanjutan yang komprehensif wajar dijalankan bagi menguji konstruk-konstruk yang berpotensi memberi pengaruh terhadap PdPc kursus bahasa untuk tujuan khusus (BUTK) yang lain.

THE EFFECTIVENESS OF STUDENT CENTRED LEARNING APPROACHES ON TEACHING ARABIC FOR ISLAMIC FINANCE AT HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS IN MALAYSIA

ABSTRACT

This study investigates the effectiveness of Student-Centred Learning (SCL) approach on interest and academic performances among Bachelor of Islamic Finance students and Bachelor of Muamalat students in Arabic for Muamalat course (*al-Arabiyyah li al-Muamalat*) at four higher education institutions in Malaysia. Researches in ASP in Malaysia is still in its infancy, especially in the educational field. Therefore, this study is seen as vital and beneficial for national education system as a whole. The descriptive quasi-experimental research design using pre-test and post-test was employed. A total of 57 respondents were selected by using the purposive sampling method: They were divided into two groups, the experimental group (30 respondents) and the control group (27 respondents). The quantitative data was collected using questionnaire. Whereas, the qualitative data collection was collected through semi -structured interviews with four respondents, field observations, and documentary evidences. The experimental group was exposed to SCL approach while the control group was taught using the conventional approach which is the Teacher-Centred Learning (TCL). Questionnaires were used to collect data during the pre and post-tests. Three types of statistical tests- MANCOVA, ANCOVA and Pearson correlation were conducted to find out the effects of SCL and TCL on the students' interest and academic performances. Data obtained from the questionnaire show that SCL had a significant effect in enhancing the students' interest in learning the course compared to TCL. In addition, both approaches show a significant effect on students' performances. Nevertheless, there was a strong correlation found between interest and academic performances among students who were exposed to SCL approach in *al-Arabiyyah li al-Muamalat* (Arabic for Islamic Finance) course. Apart from that, findings from the interviews and field observations show that students acted more proactively during the learning sessions. In conclusion, SCL which is a 21st Century learning approach and a 4.0 education trend is found to be an effective approach. The strategies employed in SCL such as discussion, questioning, role playing, brainstorming, problem solving and group work are proven to be effective in enhancing the students' interest and academic performances in learning the subject matter as compared to the conventional approach of teaching. Further comprehensive study should be carried out to investigate the constructs that might affect the teaching and learning of other LSP courses.

**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah Kajian	7
1.4 Objektif Kajian	14
1.5 Soalan Kajian	15
1.6 Hipotesis Kajian	16
1.7 Rasional Kajian	17
1.8 Limitasi Kajian	20
1.9 Kerangka Teoritikal dan Konseptual Kajian	22
1.10 Definisi Operasional Kajian	28
1.10.1 Keberkesanan	28



1.10.2	Pendekatan	28
1.10.3	Berpusatkan Pelajar	28
1.10.4	Pembelajaran	28
1.10.5	Reka Bentuk Pengajaran	28
1.10.6	Model Rancangan Pengajaran	29
1.10.7	Pembelajaran Bahasa Arab untuk Tujuan Khusus	29
1.10.8	Bahasa Arab untuk Kewangan Islam	30
1.10.9	Untuk	30
1.10.10	Pembelajaran Abad Ke-21	30
1.10.11	Pengajaran dan Pemudahcara (PdPc)	30
1.11	Rangka Kajian	30
1.12	Rumusan	33

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	34
2.2	Kajian Pembangunan Kurikulum	35
2.3	Kajian dalam Pengajaran Bahasa untuk Tujuan Khusus	39
2.4	Kajian dalam Pembangunan Modul	46
2.5	Kajian dalam Bahan Pengajaran yang Digunakan	49
2.6	Kajian dalam Pembelajaran Abad Ke-21	52
2.7	Kerangka Konsep Analisis Keperluan dalam BUTK	60
2.8	Teori Pengajaran dan Pembelajaran	63
2.8.1	Pendekatan Konstruktivisme dalam BUTK	63
2.8.2	Teori Pembelajaran Vygotsky	71
2.8.3	Pendekatan Pengajaran Berpusatkan Pelajar (PBP)	73

2.8.4	Kaedah Pembelajaran Kolaboratif	81
2.9	Model Reka Bentuk Pengajaran Dick, Carey dan Carey (2008)	83
2.9.1	Proses Mengenal Pasti Objektif Modul dan Matlamat Pelajaran	84
2.9.2	Proses Mengendalikan Analisis Pengajaran	84
2.9.3	Menganalisis Pelajar dan Konteks	85
2.9.4	Menulis Objektif Pencapaian	86
2.9.5	Membina Item-Item Ujian Rujukan Kriteria	86
2.9.6	Membina Strategi Pengajaran	87
2.9.7	Membina dan Memilih Bahan-Bahan Pengajaran	87
2.9.8	Membina dan Melaksanakan Penilaian Formatif	88
2.10	Rumusan	88

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	89
3.2	Reka Bentuk Kajian	90
3.3	Populasi dan Persampelan Kajian	98
3.4	Strategi Persampelan	99
3.4.1	Sampel Kajian	101
3.4.2	Pemilihan Peserta Kajian	102
3.5	Pemilihan Instrumen Kajian	106
3.5.1	Soal Selidik	106
3.5.2	Rancangan Pengajaran Menggunakan Pendekatan PBP	112
3.5.3	Instrumen Penilaian Pengajaran Berasaskan PBP	112
3.6	Kajian Rintis	114

3.7	Pentadbiran Instrumen dalam Kajian Rintis	115
3.7.1	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	115
3.7.2	Kesahan Muka	116
3.7.3	Kesahan Kandungan	116
3.7.4	Kesahan Kriteria	117
3.7.5	Kesahan Dalaman (<i>internal validity</i>)	118
3.7.6	Kumpulan Pakar	119
3.7.7	Kebolehpercayaan Kajian	119
3.7.8	Kesahan Instrumen Penilaian	121
3.7.9	Kesahan Soal Selidik	124
3.8	Pengumpulan Data Kajian	124
3.9	Prosedur Pemungutan Data	126
3.10	Penganalisan Data	128
3.10.1	MANCOVA	129
3.10.2	Ujian Korelasi Pearson	130
3.11	Rumusan	131

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	132
4.2	Penyemakan Data Kajian Sebenar	135
4.2.1	Ujian Normaliti	135
4.2.1.1	Ujian <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i>	136
4.2.1.2	Ujian Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk	137
4.2.2	Ujian Korelasi Pearson	139
4.3	Analisis Deskriptif Demografi Pelajar	140

4.4	Pra-eksperimen	145
4.4.1	Ujian <i>Box 'M</i> terhadap Kesaksamaan Matriks Varian-Kovarian	145
4.4.2	Dapatan Keputusan Pra-eksperimen	146
4.4.2.1	Ringkasan Keputusan Praujian	147
4.5	Keputusan Eksperimen	148
4.5.1	Analisis Deskriptif Praujian dan Pascaujian bagi Variabel Minat	149
4.5.2	Pengujian Hipotesis 1 dan Hipotesis 2	158
4.5.3	Pengujian Hipotesis 3	163
4.6	Ringkasan bagi Hipotesis Kajian 1-3	164
4.7	Analisis Data Kualitatif	166
4.7.1	Maklumat Demografi Pelajar dan Tenaga Pengajar	167
4.7.2	Amalan Pengajaran Bahasa Arab untuk Muamalat di Bilik Kuliah	169
4.7.3	Persepsi Pensyarah terhadap Konsep Pembelajaran Berpusatkan Pelajar	175
4.7.3.1	Pembelajaran secara Konstruktivisme	175
4.7.3.2	Menghadapi Kekangan dalam Melaksanakan Pendekatan PBP	176
4.7.3.3	Membantu Perkembangan Bahasa Pelajar	178
4.7.4	Maklumat Demografi Pelajar dan Tenaga Pengajar	180
4.7.4.1	Strategi dan Kaedah Pengajaran yang dilaksanakan Pensyarah	180
4.7.4.2	Kaedah Pengajaran Kemahiran Bahasa	183
4.7.4.3	Kaedah Pengajaran Tatabahasa	185

4.7.5	Masalah PdP BAUKI/BAUM dan Cadangan Pensyarah dan Pelajar terhadap Proses PdPc	187
4.7.5.1	Hasil Pembelajaran	190
4.7.5.2	Kemahiran Bahasa	191
4.8	Ringkasan Dapatan Pemerhatian	192
4.8.1	Rumusan dan Implikasi kepada PdPc Kursus BAUKI/BAUM	193
4.9	Ringkasan Dapatan bagi Soalan Kajian 1-4	194
4.10	Rumusan	197
BAB 5	PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1	Pendahuluan	199
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	202
5.3	Perbincangan	203
5.3.1	Kesan Pendekatan Pembelajaran terhadap Minat	209
5.3.2	Kesan Pendekatan Pembelajaran terhadap Penguasaan Akademik	212
5.3.3	Hubungan antara Minat Pelajar dan Penguasaan Pelajar terhadap Pendekatan PBP	217
5.4	Implikasi Kajian	221
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	224
5.6	Kesimpulan	226
RUJUKAN		228
LAMPIRAN		256



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Teknik Pengumpulan Data	95
3.2	Aktiviti Pengumpulan Data	96
3.3	Ringkasan Fasa Pelaksanaan dan Penilaian Instrumen Kajian	96
3.4	Penilaian Kesahan Instrumen	113
3.5	Jadual Keputusan Analisis Kebolehpercayaan	121
3.6	Kekuatan Korelasi Pearson	130
3.7	Ringkasan Statistik	131
4.1	Keputusan Ujian <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i>	136
4.2	Keputusan Ujian Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk	137
4.3	Keputusan Ujian Kehomogenan Varian (Ujian Levene)	138
4.4	Korelasi Pearson Antara Kovariat (Praujian Minat) Dan Variabel Bersandar (Kesan Pendekatan Pembelajaran)	139
4.5	Ringkasan Umum Populasi dan Sampel Kajian	142
4.6	Taburan Sampel Berdasarkan Maklumat Demografi Pelajar	142
4.7	Hasil Ujian <i>Box'M</i>	146
4.8	Min dan Sisihan Piawai (SP) bagi Setiap Variabel Bersandar (Praujian) Mengikut Pendekatan Pembelajaran (PBP dan PBG) yang didedahkan kepada Pelajar	147





4.9	Maklum Balas Tahap Minat Pelajar bagi Tempoh Praujian dan Pascaujian terhadap Pendekatan Pembelajaran (PBP Dan PBG)	149
4.10	Ringkasan Perbandingan Min dan Sisihan Piawai (SP) bagi Tempoh Praujian dan Pascaujian bagi Variabel Bersandar (Minat)	152
4.11	Maklum Balas Tahap Penguasaan Pelajar bagi Tempoh Praujian dan Pascaujian terhadap Pendekatan Pembelajaran (PBP dan PBG)	153
4.12	Ringkasan Perbandingan Min dan Sisihan Piawai (SP) bagi Tempoh Praujian dan Pascaujian bagi Variabel Bersandar Penguasaan Pelajar	156
4.13	Min, Sisihan Piawai (SP), dan Min Terlaras (<i>Adjusted Mean</i>) bagi Setiap Variabel Bersandar Berdasarkan Pendekatan Pembelajaran Pelajar.	158
4.14	Ringkasan Keputusan <i>Multivariate Analysis of Covariance</i> (MANCOVA) Mengikut Pendekatan Pembelajaran Pelajar dan Susulan <i>Analysis of Covariance</i> (ANCOVA) terhadap Dua Kumpulan Kajian	160
4.15	Ringkasan Keputusan Ujian ANCOVA	162
4.16	Analisis Korelasi Pearson antara Variabel Minat dan Penguasaan Pelajar	163
4.17	Ringkasan Keputusan Hipotesis	165
4.18	Tenaga Pengajar Kursus	168
4.19	Tema Atau Topik yang ditekankan dalam Bilik Kuliah	169
4.20	Cabaran dan Kekangan dalam PdP	170
4.21	Kaedah Penilaian yang Digunakan oleh Pensyarah	173



4.22	Tugas Pelajar untuk Kursus BAUKI/BAUM	173
4.23	Cabaran dan Kekangan dalam PdP	187
4.24	Ringkasan Kaedah Pengajaran Berdasarkan Pemerhatian PdP	192

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Model Dick, Carey & Carey (2005)	25
1.2	Adaptasi Kerangka Perkembangan Proksimal Pelajar dari Vygotsky (1978)	26
1.3	Kerangka Konseptual Kajian bagi Kajian Keberkesanan PdPc BAUKI	27
3.1	Reka Bentuk Kajian & Analisis	92
3.2	Carta Aliran Kajian Keberkesanan PdPc BAUKI/BAUM	97
3.3	Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan Kajian	100
3.4	Carta Alir Proses Pengujian Kebolehpercayaan Instrumen Kajian Keberkesanan dalam Sesi Pengajaran BAUKI	121
3.5	Aplikasi Teknik Penilaian Satu dengan Satu	123
3.6	Prosedur Pemungutan Data	127
4.1	Ringkasan Tema Utama Analisis Kualitatif	167
4.2	Ringkasan Menyeluruh Dapatan Kajian berdasarkan Kaedah Analisis Data, Hipotesis dan Soalan Kajian	196
5.1	Cadangan Model Rancangan Pengajaran P~ Muamalat	224

SENARAI SINGKATAN

ANCOVA	<i>Analysis Of Covariance</i>
ANOVA	<i>Analysis of Variance</i>
BAUKI	Bahasa Arab untuk Kewangan Islam
BAUM	Bahasa Arab untuk Muamalat
BAUTK	Bahasa Arab untuk Tujuan Khusus
BUTK	Bahasa untuk Tujuan Khusus
ESP	<i>English Specific Purposes</i>
IPT	Institut Pengajian Tinggi
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta
ISM	Ijazah Sarjana Muda
KUIPSAS	Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah
LSP	<i>Language Specific Purposes</i>
MANCOVA	<i>Multivariate Analysis Covariance</i>
MANOVA	<i>Multivariate Analysis of Variance</i>
PAK21	Pembelajaran Abad Ke-21
PBG	Pembelajaran Berpusatkan Pensyarah (<i>Teacher Centred Learning</i>)
PBP	Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (<i>Student Centred Learning</i>)
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPc	Pengajaran dan Pemudahcara
SPSS	<i>Statistical Package For The Social Sciences</i>
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris

USAS Universiti Sultan Azlan Shah
UUM Universiti Utara Malaysia
ZPD *Zone Of Proximal Development*

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sektor pendidikan di Malaysia menyaksikan beberapa perubahan dan penstrukturan semula seiring dengan tuntutan pembangunan negara dan kemajuan rakyatnya. Hal ini termasuk pengubahsuaian beberapa elemen penting dalam amalan pengajaran dan pembelajaran (PdP) itu sendiri yang melibatkan segenap peringkat pengajian sama ada prasekolah, rendah, menengah mahupun di peringkat pengajian tinggi. Jika dilihat dari segi pelaksanaan pengajaran kelas Bahasa Arab di Malaysia telah bermula berkurun lamanya, iaitu kira-kira 500 tahun dahulu (Mat Nawis, Hakim, & Kaseh, 2014) semenjak mula diperkenalkan dari kelas yang tidak formal, sistem pondok, kemudiannya berkembang ke institusi-institusi pengajian formal dengan pelbagai pendekatan dan cara pengajaran yang diterapkan, baik tradisional mahupun moden.



Menurut Azhar Ahmad (2017), penerapan dan penekanan bahasa Arab dalam sistem pendidikan dilihat dapat membantu memberikan impak positif terhadap negara. Beliau membicarakan tentang keperluan bahasa Arab yang tidak hanya tertumpu dalam bidang pendidikan sahaja, malah menjadi satu aspek asas yang sangat penting dalam semua aspek kehidupan termasuk hubungan antara negara. Beliau juga menegaskan bahawa penguasaan bahasa Arab menjadi satu kemahiran yang sangat diperlukan dari sudut ekonomi dalam usaha untuk meluaskan dan mengembangkan lagi jalinan antara ekonomi negara dengan negara-negara Arab yang mempunyai daya beli yang sangat tinggi (Herteg & Popescu, 2013).

Kewangan Islam merupakan institusi yang menjadikan perundangan Islam sebagai dasar dalam melaksanakan sistem kewangan di dalam negara (Nor Fadilah & Nuzul Akhtar, 2014). Industri kewangan Islam di Malaysia juga telah diiktiraf sebagai negara pasaran paling berkembang pesat di peringkat global, selain menduduki tempat pertama dalam senarai *Islamic Finance Country Index 2017* dalam penguasaan industri di peringkat antarabangsa (Malaysia International Islamic Financial Centre (MIFC), 2018). Seiring dengan pertumbuhan pesat dunia kewangan Islam di peringkat Asia dan global, serta tawaran dan permintaan produk yang dikeluarkan oleh bank-bank Islam, ia dilihat lebih relevan dan mematuhi peraturan dan prinsip syariah. Menurut Malik, Malik dan Mustafa (2011), antara masalah dan cabaran terbesar yang dihadapi oleh sektor kewangan Islam dan perbankan ini ialah kekurangan ahli professional yang berkecuali dari setiap peringkat, yang memiliki pengetahuan dalam kedua-dua bidang perbankan konvensional dan undang-undang Islam. Seseorang yang memiliki pengetahuan dalam perbankan konvensional mampu memahami ciri produk Islam





dengan mudah. Seseorang itu juga tidak akan berjaya membangunkan dan memasarkan produk tersebut tanpa mengetahui undang-undang dan peraturan khas yang ditetapkan dalam Islam. Rentetan daripada hal ini, penting bagi mereka yang berkecimpung dalam industri ini memiliki pemahaman yang betul dan interpretasi yang tepat dalam undang-undang syariah, produk kewangan, dan instrumen (seperti *musyarakah* dan *mudharabah*). Oleh yang demikian, kemahiran berbahasa dilihat menjadi salah satu faktor penting dalam peningkatan hasil ekonomi dan aktiviti promosi dan transaksi produk ke pasaran yang lebih luas.

Isu pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia adalah antara isu hangat yang sering dibincangkan dari segenap aspek. Hal ini juga disokong dengan kajian-kajian linguistik yang telah disempurnakan oleh para sarjana bahasa Arab tempatan. Namun dalam memperkatakan tentang pemeraksanaan bahasa Arab di Malaysia, isu yang sering dibahaskan ialah berkenaan dengan aspek tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu. Apabila disoroti, ianya masih di tahap yang amat lemah dan kurang memuaskan berbanding dengan pelajar-pelajar dahulu, walaupun disajikan dengan pelbagai fasiliti dan kemudahan yang jauh lebih baik seperti kelengkapan buku teks, pemantapan kurikulum serta bimbingan daripada tenaga pengajar yang berkecimpung (Mat Taib Pa, 2006).

Selain itu, pemilihan penggunaan kaedah dan strategi pengajaran yang sesuai memainkan peranan penting dalam meningkatkan pencapaian pelajar, selain daripada faktor-faktor luaran lain seperti semangat dan minat yang mendalam, suasana pembelajaran, dan sebagainya (Muhammad Azhar, Mohd Faisal, Wail Muin, Syed





Kamaruzaman & Anfal Gulam Muzammil, 2015). Tambahan pula, peranan guru atau pendidik juga dilihat salah satu aspek yang tidak kurang pentingnya dalam menghasilkan pembelajaran yang efektif dan berkesan, guru yang kreatif mampu mengubah sesuatu perkara menjadi seronok dan merangsang pelajar untuk mempelajarinya (Puteh & Karim, 2010).

Justeru, adalah menjadi tanggungjawab para cendekiawan dan ilmuan untuk menyumbang saran idea dalam mengkaji segala permasalahan- permasalahan pembelajaran bahasa Arab yang timbul, yang sehingga kini masih menjadi topik diskusi utama dalam usaha mencari solusi terbaik kepada semua pihak terutamanya pelajar dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia amnya.



1.2 Latar Belakang Kajian

Tidak dapat disangkalkan lagi Bahasa Arab merupakan medium komunikasi yang menghubungkan antara bangsa Arab dan mempamerkan ciri-ciri sahsiah bangsa Arab. Ia juga merupakan bahasa yang telah digunakan dalam risalah baginda Nabi Muhammad SA.W yang terakhir, dengan keaslian bahasa Arab yang tersendiri ia mampu meningkatkan kualiti budaya dan peradaban bangsa secara global. Bahasa Arab juga dianggap sebagai bahasa insan yang berpelembagaan, yang terbentuk melalui kepelbagaian ciri-ciri dan peraturannya yang unik sama ada dari segi fonetik, morfologi, sintaksis, dan semantik. Kesemuanya saling melengkapi antara satu sama lain untuk menterjemahkan setiap sisi komposisi bahasa (al-Jojo, 2011).





Perbincangan mengenai pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan khusus bukanlah perkara baharu dalam dunia pendidikan, malah ia telah lama diperkenalkan di Malaysia seiring dengan perkembangan kepentingannya yang tersendiri sejak tahun 60-an, dengan penglibatan daripada sekumpulan pakar dalam bidang bahasa gunaan yang telah menjalankan siri analisis dalam pelbagai cabang bidang bahasa. Mereka mendapati bahawa setiap bidang bahasa itu mempunyai keperluan yang berbeza baik dari segi kosa kata, tatabahasa, mahupun gaya bahasa yang unik dan tersendiri yang membezakannya dari bidang pengajian bahasa lain (Abdul Rahman Chik, 2007).

Apabila membincangkan aspek pembelajaran bahasa untuk tujuan khusus (BUTK) atau Language Specific Purposes (LSP), ia melibatkan satu pendekatan penilaian baru bagi teori tertentu dalam dua disiplin bahasa iaitu Linguistik Terapan (Applied Linguistic) dan Pemerolehan Bahasa Kedua (Second Language Acquisition) (Bloor & Bloor, 1986). Secara dasarnya, terminologi BUTK masih menjadi perdebatan dan mendapat perhatian bagi sesetengah pengkaji linguistik dalam konteks definisi BUTK sebagai kriteria yang biasa digunakan untuk mentakrifkan bahasa, walau bagaimanapun pentakrifan dari Sager Dungworth dan McDonalds (1980) yang mengklasifikasikan BUTK sebagai “specialist-to-specialist communication” kini sudah boleh diterima umum meskipun ianya tidaklah selalu melibatkan situasi pelajar secara terus (Chambers, 1996). Swales (1990) juga memberikan pentakrifan BUTK sebagai bahasa yang digunakan oleh komuniti tertentu (sekumpulan pakar dalam sesuatu aktiviti/bidang) yang berkongsi tujuan yang sama, peraturan tertentu dan menerima genre atau praktis komunikasi yang tertentu. Secara spesifiknya, English





Specific Purposes (ESP) merupakan pencetus kepada pembangunan dan idea BUTK, bermula dari revolusi permintaan yg meluas yang bertitik tolak daripada perkembangan sains, teknikal dan ekonomi di peringkat antarabangsa sejurus tamatnya peperangan dunia kedua. Perkembangan ini menyaksikan dunia disatukan dengan pendominasian oleh dua kuasa besar iaitu teknologi dan komersial yang menjana permintaan sebagai bahasa antarabangsa (Hutchinson & Waters, 1987).

Skop perbincangan BUTK adalah sangat meluas. ESP sebagai contoh merupakan pelopor utama dalam penggunaan bahasa untuk tujuan khusus tidak terhad kepada pengajaran 'kepelbagaian pengkhususan' semata-mata, yang melibatkan bentuk bahasa yang khas dan tersendiri serta berbeza dengan yang lain. Hakikatnya, terdapat sesetengah ciri-ciri bahasa yang boleh diklasifikasikan sebagai 'tipikal' dari segi penggunaannya dalam konteks tertentu. Hal ini telah diulas secara terperinci oleh Hutchinson & Waters berkenaan intipati ESP yang sebenar:

ESP is not a matter of teaching 'specialised varieties' of English. The fact that language is used for a specific purpose does not imply that it is a special form of the language, different in kind from other forms. Certainly, there are some features which can be identified as 'typical' of a particular context of use and which, therefore, the learner is more likely to meet in the target situation. But these differences should not be allowed to obscure the far larger area of common ground that underlies all English use, and indeed, all language use. (Hutchinson & Waters, 1987, p. 18).





Hutchinson dan Waters juga menekankan bahawa BUTK bukanlah satu produk bahkan merupakan satu konsep. Maka, dengan konsep inilah terbinanya satu kerangka untuk reka bentuk dan kandungan subjek BUTK. Konsep ini juga membuka ruang kajian untuk para pengkaji dalam penggunaan bahasa khusus (Chambers, 1996).

Secara tuntasnya, penyelidik melihat signifikan kajian yang dijalankan dalam potensinya membendung masalah bahasa secara umum yang dihadapi oleh para penuntut institusi pengajian tinggi, dan pembelajaran bahasa Arab untuk kewangan Islam secara khusus melalui sudut perspektif teori pembinaan modul akademik. Kajian ini juga dapat mengenalpasti hubungan kait (rentas bidang) antara pendekatan lingustik dalam bidang pengkhususan pelajar.



1.3 Pernyataan Masalah

Pembelajaran dan Pemudahcara (PdPc) Bahasa Arab untuk tujuan khusus (BAUTK) di negara Malaysia sudah semakin mendapat perhatian umum, khususnya yang melibatkan perkaitan dengan bidang-bidang tertentu (*niche area*) dan professional. Fenomena pengajaran bahasa Arab untuk tujuan khusus ini juga dibincang secara meluas dalam ruang lingkup akademik, berikutan permintaan yang tinggi dalam bidang ini oleh pelbagai institusi pendidikan seperti tujuan keagamaan, perdagangan antarabangsa, diplomatik dan sebagainya (Kabir & Islam, 2016). Apabila kita





mengamati rangka kursus yang ditawarkan oleh Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia, awam mahupun swasta, terdapat pelbagai subjek telah ditawarkan bersesuaian dengan bidang pengkhususan pelajar seperti Bahasa Arab untuk Sharia'h, Bahasa Arab untuk Dakwah, Bahasa Arab untuk Muamalat Islam dan sebagainya. Inisiatif ini menunjukkan betapa pentingnya pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan khusus di Malaysia.

Kajian yang dijalankan ini dilihat mampu memberikan pemahaman umum kepada pelajar mengenai isu-isu berkaitan dengan kewangan Islam secara praktikal dan bersifat global. Hal ini secara tidak langsung dapat melatih dan mendedahkan pelajar maklumat-maklumat yang berguna bagi mengelakkan daripada tersalah interpretasi dan fahaman terhadap isu dan fatwa syariah terutamanya apabila mereka melangkah ke alam pekerjaan kelak. Selain itu, kemahiran berbahasa juga membantu pelajar berkomunikasi dengan baik dalam bahasa Arab selain mampu memberikan pemahaman dan penerangan kepada pihak ketiga seperti memperkenalkan produk-produk baru yang dikeluarkan oleh syarikat menggunakan gaya bahasa dan istilah kewangan yang berkaitan operasi dan mengikut piawaian syariah yang tepat.

Dalam konteks industri kewangan dan perbankan Islam, menurut Iqbal dan Molyneux (2006) antara masalah dan cabaran yang dihadapi ialah kekurangan pakar yang diperlukan dalam membantu melancarkan perkembangan pesat dalam industri ini. Begitu juga kekurangan bilangan golongan profesional yang berkhidmat dalam bidang. Oleh yang demikian, penyelidik melihat satu keperluan yang mendesak untuk para graduan Kewangan Islam dan Muamalat untuk menguasai bahasa Arab bagi





menutupi kelompongan industri, selain dapat meningkatkan tahap penguasaan bahasa Arab dalama kalangan pelajar IPT yang menjadi antara isu perbahasan dalam pendidikan negara (Abdul Rahim, 2005).

Jika diamati dengan lebih mendalam dan terperinci, amat kurang kajian ilmiah yang dijalankan dalam skop pembelajaran Bahasa Arab untuk tujuan ekonomi dan perbankan Islam secara amnya dan kewangan Islam secara khususnya terutamanya yang melibatkan aspek pembinaan modul pembelajaran dan kaedah PdPc. Dalam kajian ini, pengkaji akan meletakkan aspek keperluan pembelajaran sebagai asas utama dalam menguji keberkesanan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar (*Student Centred Learning*) dalam sesi PdPc Bahasa Arab untuk Kewangan Islam, sejajar dengan kriteria pembelajaran alaf ke-21 iaitu menjadikan dimensi model pengajaran yang berasaskan pelajar “*student oriented*” (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Hal ini juga secara tidak langsung dapat merealisasikan “Lonjakan 1” dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 Pendidikan Tinggi atau (PPPM) (PT) bagi melahirkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang.

Mutakhir ini, pelajar memerlukan kursus yang sesuai untuk keperluan spesifik mereka bagi menyumbang dalam memenuhi tuntutan dan permintaan masyarakat (Kirgoz, 2019). Oleh yang demikian, ESP telah mula berkembang dan menarik perhatian para pembuat polisi, pereka kursus, tenaga pengajar, dan pelajar. Walaupun bidang ini tidak kurang pentingnya, namun ESP masih menjadi satu bidang yang masih belum diterokai dalam pendidikan guru (Basturkmen, 2017). Sorotan kajian literatur ESP mendapati majoriti kajian dijalankan dalam bidang ini tertumpu kepada aspek





analisis keperluan, reka bentuk kursus, pembangunan material, dan latihan guru (Basturkmen, 2010; Belcher, 2006 dipetik dari Kirgoz, 2019). Justeru, pengkaji melihat menjadi kepentingan menjalankan kajian dalam aspek pengajaran dan pembelajaran kursus BAUTK secara amnya bagi melihat kesannya terhadap kumpulan target iaitu pelajar.

Secara amnya, kajian keberkesanan ini dijalankan bertujuan untuk menguji amalan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan khusus, dan pengajaran Bahasa Arab untuk Kewangan Islam atau Muamalat secara khususnya. Di samping itu, objektif kajian juga memberi fokus kepada melihat pembangunan penguasaan akademik pelajar dalam kursus ini. Matlamat akhir kajian ini adalah supaya pelajar dan pensyarah dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran bertunjangkan kepada garis panduan dan ciri-ciri pendidikan nasional alaf baru. Di samping itu, para pensyarah dan tenaga pengajar dapat berpegang kepada satu model pengajaran dan pembelajaran yang bercirikan trend pendidikan semasa.

Menurut tinjauan pengkaji, kursus bertaraf wajib universiti, teras program atau teras jabatan ini ditawarkan kepada pelajar ISM Kewangan Islam dan ISM Muamalat di empat buah IPT di Malaysia. Kursus ini ditawarkan dengan nama yang berbeza di setiap IPT iaitu Bahasa Arab untuk Kewangan Islam (BAUKI), Bahasa Arab untuk Muamalat (BAUM) atau "*Al-Arabiyyah li al-Muamalat*". Manakala penawaran kursus ini untuk sampel kajian dalam kumpulan eksperimen ialah masih di peringkat awal, iaitu baru diperkenalkan. Oleh yang demikian, pengkaji melihat keperluan menjalankan kajian ini di samping kekurangan kajian ilmiah yang dijalankan untuk menguji





keberkesanan pendekatan pengajaran yang digunakan dalam PdP kursus BAUTK secara amnya dan kursus BAUKI secara khususnya. Memandangkan kewujudan kursus ini pada peringkat pengajian tinggi masih dianggap asing dalam bidang BAUTK, maka pengkaji kewajaran kajian dilaksanakan bagi melihat rasionalisasi penawaran kursus ini di peringkat pengajian tinggi dan impak kepada para pelajar apabila memasuki alam pekerjaan kelak.

Kajian ini bermatlamat untuk menjadikan tenaga pengajar atau pensyarah sebagai fasilitator atau pembimbing dalam sesi pembelajaran secara langsung dan tidak langsung untuk berkongsi idea dan pemikiran dengan para pelajar tentang keperluan subjek, pendekatan dan kaedah pembelajaran yang berkesan. Selain itu, hasil kajian yang akan diperoleh juga diharapkan mampu mengenal pasti tahap, kemampuan, dan pencapaian bahasa pelajar yang sebenar, di samping memberi nilai tambah kepada koleksi bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab untuk tujuan khusus di Malaysia.

Kajian ini wajar dilakukan kerana kajian tentang keberkesanan pendekatan dan kaedah pengajaran yang bersifat kontemporari, serta keberkesananannya dalam pengajaran bahasa Arab untuk tujuan ekonomi dan kewangan Islam dan Muamalat di negara ini masih kurang dijalankan. Pengkaji melihat skop kajian ilmiah yang dijalankan dalam bidang BAUTK banyak tertumpu kepada aspek modul dan pembinaan kurikulum. Masih kurang kajian yang memberikan fokus utama terhadap pendekatan atau kaedah pengajaran yang digunakan dalam PdP kursus-kursus BAUTK, terutama kursus BAUKI yang merupakan sub BAUTK yang masih dianggap asing





dalam bidang ini. Pengkaji mengamati bahawa kajian ini signifikan dijalankan terhadap sampel kajian.

Kajian ini dianggap sebagai membuka ruang untuk penemuan baru dalam bidang BAUTK secara amnya dan BAUKI secara khususnya dengan membuat tinjauan dari beberapa aspek berbeza seperti skop kajian, pendekatan pengajaran bahasa yang digunakan, proses PdP, kaedah pengajaran, teori dan model rujukan dan sebagainya. Kajian Najmiah (2009) dan Na'mah Al Banna (2013) umpamanya merupakan contoh kajian pembangunan modul lengkap yang memberi impak dan penekanan khusus terhadap aspek Ekonomi Islam. Model ini dibangunkan eksklusif untuk golongan target yang telah ditetapkan. Kajian Najmiah (2009), sebagai contoh membina prototaip unit akademik khusus untuk pelajar-pelajar ekonomi di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Unit pengajaran yang dibangunkan sesuai dengan fokus kajian dengan memperkenalkan tiga unit pelajaran yang mewakili sebagai contoh modul bahasa Arab untuk Ekonomi Islam di peringkat pengajian tinggi.

Metode atau kaedah pengajaran seperti sesi soal-jawab, perbincangan, komunikasi dan interaksi dua hala yang melibatkan guru dan pelajar dapat membimbing pelajar meningkatkan kemampuan daya fikir dan tidak balas. Teknik seumpama ini yang dipraktikkan oleh guru-guru secara tidak langsung dapat merangsang dan mengembangkan bakat pelajar serta menggalakkan perkembangan pemikiran kreatif dan inovatif (Abdul Razak & Nor Asmah, 2010). Pendekatan ini selari dengan komponen yang digariskan dalam Pendidikan 4.0 yang berpaksikan kepada keperluan, perkembangan dan kemajuan teknologi yang terhasil daripada Revolusi Industri 4.0





(*Industrial Revolution 4.0*). Pendekatan dan kaedah pengajaran yang bersifat global dan kontemporari ini dilihat mampu memenuhi keperluan pembelajaran dunia pendidikan alaf baru. Fisk (2017) menerangkan tentang visi pembelajaran alaf baru yang bukan sahaja menggalakkan pelajar untuk mempelajari kemahiran dan pengetahuan bahkan berupaya untuk mengenal pasti sumber rujukan untuk menguasainya.

Motivasi merupakan faktor penting dalam mendorong minat pelajar terhadap subjek atau mata pelajaran yang dipelajari selain daripada kepentingan aspek kesesuaian pemilihan bahan pengajaran dan penetapan rangka silibus yang sistematik. Gaya pembelajaran pelajar dan tahap pencapaian akademik juga dilihat mempunyai hubungan yang signifikan dengan motivasi pelajar (Norlia, T. Subahan Lilia & Kamisah, 2006; Azizan, 2011). Menurut Hee Jee Mei dan Siti Liyana (2011), motivasi diri yang tinggi perlu sebagai dorongan bagi mencapai tahap pencapaian yang tertinggi. Hal ini secara tidak langsung akan memberikan impak yang lebih besar dalam menilai keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Manakala, sesuatu pengajaran yang lebih berfokus, interaktif serta sokongan bahan pembelajaran yang berstruktur dan pembabitan pelajar dalam proses pembelajaran akan mampu memberikan inspirasi kepada para pelajar untuk lebih aktif (Zhang, 2012).

Merujuk kepada permasalahan di atas, pengkaji merasakan bahawa satu kajian yang menyeluruh untuk menganalisis keperluan pelaksanaan pengajaran Bahasa Arab untuk kewangan Islam di IPT perlu dijalankan dan seterusnya dapatan kajian tersebut boleh dijadikan asas bagi membangun dan menguji kekuatan dan kelemahan sistem amalan pengajaran Bahasa Arab untuk Kewangan Islam. Selain itu, hasil kajian ini juga





diharapkan dapat memperkenalkan satu impak pendekatan alaf baru dalam dunia pendidikan tinggi negara khususnya dari aspek kaedah pengajaran Bahasa Arab untuk tujuan khusus. Kajian ini juga diharapkan mampu menjadi rujukan kontemporari kepada pelajar, tenaga pengajar, pembangun modul, dan individu yang terlibat dengan industri kewangan dan perbankan Islam secara amnya.

1.4 Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah berkaitan dengan keberkesanan pelaksanaan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar (PBP) terhadap pencapaian pelajar yang mengikuti kursus BAUKI atau BAUM. Kesan pelaksanaan pendekatan ini dalam sesi PdPc diuji. Hasil pandangan pelajar diteliti dan dianalisis bagi menentukan tahap kefahaman dan kesesuaian pendekatan ini setelah intervensi dijalankan.

Berdasarkan pemerhatian dan kajian literatur yang dijalankan mengenai pendekatan pembelajaran, berikut disenaraikan empat tujuan utama kajian yang dibentuk secara khusus iaitu:

1. Mengetahui kesan pelaksanaan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar ke atas kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam sesi PdPc terhadap (i) penguasaan pelajar dan (ii) Mengetahui kesan pelaksanaan



pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar ke atas kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam sesi PdPc terhadap minat pelajar yang mengikuti kursus bahasa Arab untuk Kewangan Islam.

2. Mengenal pasti hubungan antara penguasaan pelajar yang mengikuti kursus bahasa Arab untuk Kewangan Islam terhadap pelaksanaan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar.
3. Membuat analisis perbandingan ke atas minat dan pencapaian akademik (penguasaan) pelajar yang mengikuti kursus Bahasa Arab untuk Kewangan Islam bagi tempoh sebelum dan selepas pelaksanaan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar.
4. Membuat analisis amalan dan kaedah pengajaran yang digunakan oleh pengajar-pengajar kursus bahasa Arab untuk Kewangan Islam/ Muamalat

1.5 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian di atas, kajian ini cuba menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan aplikasi penggunaan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar (PBP) dalam pembelajaran Bahasa Arab untuk Kewangan Islam. Berikut adalah beberapa persoalan kajian yang menjadi hala tuju kajian yang dilaksanakan:

1. Adakah pelaksanaan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar dalam sesi PdPc berkesan untuk meningkatkan (i) minat dan (ii) penguasaan pelajar yang mengikuti kursus bahasa Arab untuk Kewangan Islam?
2. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara minat dan penguasaan akademik pelajar yang mengikuti kursus bahasa Arab untuk Kewangan Islam terhadap pelaksanaan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar?
3. Adakah terdapat perubahan minat dan penguasaan bahasa pelajar terhadap kursus Bahasa Arab untuk Kewangan Islam bagi tempoh sebelum dan selepas pelaksanaan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar?
4. Bagaimanakah pelaksanaan aktiviti pembelajaran dan pemudahcara (PdPc) dalam pengajaran kursus Bahasa Arab untuk Kewangan Islam di IPT di Malaysia?

1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan pembentukan dan penetapan objektif serta soalan kajian 1, 2, dan 3 iaitu bagi melihat keberkesanan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar terhadap minat dan penguasaan pelajar dalam mengikuti kursus Bahasa Arab untuk Kewangan Islam, maka sebanyak tiga hipotesis nol telah dibentuk iaitu:

1. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kesan penggunaan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar terhadap minat pelajar kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dalam pembelajaran bahasa Arab untuk kewangan Islam.

2. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kesan penggunaan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar dengan tahap penguasaan akademik pelajar kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan dalam pembelajaran bahasa Arab untuk kewangan Islam.
3. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kesan penggunaan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar dengan minat dan tahap penguasaan akademik pelajar kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan yang mengikuti kursus Bahasa Arab untuk Kewangan Islam.

1.7 Rasional Kajian

Kajian ini memperkenalkan pendekatan pengajaran yang lebih berkesan dengan mengambil kira keperluan pelajar berpaksikan silibus yang telah disesuaikan untuk mereka. Kajian ini juga diharapkan dapat menjadi satu platform untuk mengemaskini kaedah pengajaran sedia ada selain daripada menerokai bidang kajian yang kurang dijalankan dalam BUTK. Tambahan lagi, kajian ini juga memberi penekanan terhadap pelbagai aspek bahasa seperti keseimbangan antara kemahiran dan pengetahuan bahasa. Rentetan daripada rasional ini, maka pendekatan yang diperkenalkan dilaksanakan dalam konteks pembelajaran sebenar, natural dan menggunakan fungsi bahasa yang tepat. Selain daripada bersumberkan bahan sebenar, begitu juga dengan penilaian yang dilakukan dalam kajian keberkesanan ini. Semua penilaian dilakukan berdasarkan konteks penggunaan bahasa dalam konteks yang sebenar.



Kajian ini juga wajar dilaksanakan kerana pendekatan yang diaplikasikan dalam kajian ini telah diuji kebolehlaksanaan dan kebolegunaannya di dalam situasi bilik kuliah. Bahan pengajaran dan modul yang digunakan juga berkonsep kemudahan yang didasarkan khususnya kepada para pelajar universiti atau kolej bagi yang ingin melanjutkan pelajaran mereka di peringkat pengajian tinggi sama ada kerajaan atau swasta (Sidek & Jamaludin, 2005), selain ianya berfungsi sebagai pendekatan tambahan dalam membantu para pelajar memahami silibus subjek dengan lebih efektif.

Pengkaji melihat keperluan menjalankan kajian dalam skop BAUTK khususnya BAUKI memandangkan penawaran kursus BAUKI di peringkat pengajian tinggi di Malaysia masih asing dalam kalangan para pelajar dan ahli akademik sendiri. Kursus ini juga boleh dikategorikan antara kursus baru yang diperkenalkan sebagai kursus teras fakulti atau teras jabatan di IPT di Malaysia. Dari pengamatan pengkaji terdapat dua buah IPTA dan dua buah IPTS sahaja menawarkan kursus ini untuk para pelajar yang mengikuti program diploma atau ijazah Kewangan Islam atau Muamalat iaitu USAS dan KUIPSAS (diploma dan ijazah). Manakala UUM dan UPSI pula menawarkan kursus ini untuk pelajar peringkat ijazah sahaja. Selain itu, aspek PdPc kursus BAUKI dan keberkesanan pendekatan pengajaran yang digunakan dalam bilik kuliah masih kurang diterokai dan memerlukan kajian yang berterusan dalam segenap aspek.

Kajian berkaitan dengan kaedah dan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar dilihat lebih relevan dengan situasi pendidikan semasa. Seiring dengan konsep pendidikan global berpaksikan Revolusi Industri 4.0 yang semakin berkembang di seluruh negara, pelaksanaan pendekatan pembelajaran yang sesuai menjadi antara





keperluan utama dalam sistem PdPc. Hal ini terbukti dengan hasil positif dan memberangsangkan daripada kajian-kajian yang telah dijalankan.

Dari segi kaedah kajian, kajian ini menggunakan pendekatan gabungan kuantitatif dan kualitatif dalam pengumpulan data. Kaedah gabungan ini turut dicadangkan oleh Ainun, Zamri, dan Wan Muna Ruzana (2017) bagi mendapatkan maklumat yang lebih mendalam tentang sejauh mana tahap keberkesanan penerapan kemahiran abad ke-21 dalam kursus bahasa. Metode ini dilihat sebagai satu kaedah yang amat menepati sifat kajian semasa, dan banyak diaplikasikan dalam kalangan para pengkaji dan pembina modul pembelajaran dan pengajaran Bahasa Arab di negara ini. Hal ini dibuktikan menerusi kajian-kajian pembangunan modul Bahasa Arab yang telah disempurnakan oleh Mohd Puzhi (2007), Ahmad Redzaudin et al. (2016), dan Khairun Nisaa Mohd (2017) sebagai contoh, dalam usaha mereka mengumpulkan data kajian. Justeru, pengkaji merasakan signifikan kajian perancangan dan pembangunan ini dilakukan yang mengaplikasikan kedua-dua kaedah kajian bagi mengumpulkan data secara terancang dan menyeluruh.

Kesimpulannya, kajian yang dijalankan ini boleh menjadi rujukan para pensyarah dalam mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran, terutamanya dalam merancang pengajaran Bahasa Arab untuk tujuan khusus, sekali gus dapat menambah baik kualiti dan amalan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab untuk Kewangan Islam di Malaysia. Kajian ini juga diharapkan boleh memberi cetusan idea kepada individu atau institusi yang terlibat dalam sistem pendidikan negara dalam





merancang strategi pendidikan yang kreatif, inovatif dan berdaya saing setaraf dengan negara-negara maju yang lain.

1.8 Limitasi Kajian

Kajian ini dijalankan dalam lingkungan meninjau kesan pendekatan yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi kursus “*Al-Arabiyyah li al-Muamalat*” atau juga dikenali sebagai Bahasa Arab untuk kewangan Islam (BAUKI) atau Bahasa Arab untuk Muamalat (BAUM) yang ditawarkan di Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia. Skop kajian juga berpandukan kepada beberapa teori kaedah pembelajaran dan konsep reka bentuk pembelajaran, dengan mengambil kira pandangan-pandangan yang menepati dengan objektif kajian ini. Selain itu, beberapa aspek lain turut diberikan perhatian dalam memastikan kelancaran dan ketepatan data kajian seperti prosedur analisis keperluan atau lebih tepat kesedaran keperluan “*awareness of the need*”. Aspek ini merupakan ciri utama yang membezakan BUTK dengan bahasa untuk tujuan umum (Hutchinson & Waters, 1987).

Tinjauan bagi populasi kajian ini tertumpu kepada kumpulan pelajar ISM Kewangan Islam dan ISM Muamalat yang mengikuti kursus BAUKI/BAUM di empat buah IPT yang menawarkan kursus ini dalam satu tahun pengajian akademik di Malaysia. Namun, pengkaji menghadkan batasan kajian eksperimental ini kepada



pelaksanaan pendekatan pengajaran PBP dan PBG di dua buah IPTS yang menawarkan kursus ini bagi mengawal tempoh pelaksanaan PdP dan kelancaran kajian keberkesanan ini dijalankan. Manakala dua buah IPTA yang menawarkan kursus yang sama turut diberikan perhatian sebagai mengukuhkan dan menyokong dapatan kajian. Oleh itu, pengkaji melihat bahawa kajian yang dijalankan telah mewakili keseluruhan populasi kajian iaitu IPT yang menawarkan kursus BAUKI dan sebarang keputusan kajian yang diperoleh boleh diambil kira dalam membuat sebarang keputusan yang berkaitan.

Selain itu, pemilihan sampel kajian ini dilaksanakan secara bukan rawak, iaitu menggunakan teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Teknik pemilihan ini amat sesuai digunakan di dalam kajian berdasarkan kepada kriteria dan ciri-ciri, sifat sampel yang bersesuaian dengan keperluan kajian ini (*nature of study*).

Bagi pengumpulan data kuantitatif, para pelajar terbabit dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu, kumpulan rawatan (eksperimen) dan kumpulan kawalan. Kumpulan rawatan didedahkan dengan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar dan rancangan pengajaran yang sistematik dan bahan mengajar autentik yang dilaksanakan berpandukan silibus subjek yang dipelajari. Analisis keberkesanan pendekatan ini dinilai melalui instrumen soal selidik dan kaedah temubual separa berstruktur. Segala komentar dan cadangan yang diutarakan dari pihak pelajar, pensyarah dan pakar juga turut diambil kira. Fokus sesi intervensi terarah kepada tajuk tertentu yang berkaitan dengan teks dan asas tatabahasa Arab, sebagai contoh konsep untung dan rugi (*profit*

and loss sharing) yang menjadi salah satu tunjang utama dalam dunia kewangan Islam (Malik, Malik & Mustafa, 2011).

Secara kesimpulannya, hasil dapatan kajian ini dapat dijadikan panduan secara umumnya kepada semua institusi pengajian tinggi di Malaysia yang menawarkan kursus BAUTK di universiti masing-masing dan khususnya terhadap kursus BAUKI/BAUM. Dapatan kajian ini juga mampu digunakan sebagai asas dalam pengubahsuaian dan penilaian pedagogi dalam proses PdPc kursus BAUTK bagi memastikan sistem pendidikan peringkat tertier menjadi lebih efektif dan berdaya saing di peringkat global.

1.9 Kerangka Teoritikal dan Konseptual Kajian

Kerangka kajian keberkesanan ini mengandungi dua bahagian utama: (a) Pembinaan Kerangka Teori Kajian, (b) Kerangka Konseptual Kajian. Kajian ini mengaplikasi gabungan teori Konstruktivisme, Teori Teori Pembelajaran Vygotsky (1978), dan Model Reka Bentuk Pengajaran Dick, Carey dan Carey (2008). Dalam kajian ini, keberkesanan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan pendekatan PBP dan PBG merupakan variabel tidak bersandar, manakala variabel bersandar pula terdiri daripada minat dan penguasaan pelajar yang mengikuti kursus BAUKI.



Pada bahagian pertama, kajian ini dijalankan dengan membuat tinjauan literatur terhadap teori dan model yang menyokong konstruk-konstruk dalam kajian. Pembinaan kerangka teori kajian ini menggabungkan dua teori utama yang dijadikan sandaran. Ia melibatkan Teori Konstruktivisme yang diasaskan oleh Jean Piaget dalam Teori Kognitif dan Teori Pembelajaran Vygotsky yang dibantu oleh strategi Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (PBP) atau Student Centred Learning (SCL). Manakala pendekatan prinsip LSP (Language Specific Purposes) atau Bahasa Untuk Tujuan Khusus (BUTK) dijadikan rujukan bagi membincangkan aspek bahasa khusus. Di samping itu, Model Reka Bentuk Pengajaran Dick, Carey dan Carey (2008) digunakan sebagai rujukan utama dalam fasa pembinaan rangka rancangan pengajaran subjek BAUKI.




Kajian keberkesanan ini dijalankan dalam tiga fasa: Fasa 1 (Pengumpulan data pra-eksperimen dan pengujian instrumen kajian), Fasa 2 (Pelaksanaan PdP menggunakan pendekatan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (PBP) dan Pembelajaran Berpusatkan Guru atau Pensyarah (PBG) dan Fasa 3 (Penilaian penguasaan akademik pelajar berdasarkan pengalaman pembelajaran (*learning experience*)). Kajian analisis keperluan juga turut dilaksanakan secara tidak langsung melalui temubual bersama pakar. Kesenambungan daripada data fasa pertama ini digunakan dalam fasa kedua. Seterusnya fasa tiga yang melibatkan penilaian pencapaian tahap penguasaan bahasa pelajar melalui sesi ujian pra dan pasca ujian. Cadangan reka bentuk model rancangan pengajaran P~Muamalat berasaskan teori Reka Bentuk Pengajaran oleh Dick, Carey dan Carey (2008) serta elemen pembelajaran abad ke-21 (PAK 21) dan aktiviti PdPc




berunsurkan trend Pendidikan 4.0 pula akan dibincangkan dalam ruangan perbincangan.

Gabungan kerangka teori kajian dan konseptual ini menjadi sandaran utama dalam menyokong proses dan pelaksanaan kajian keberkesanan pembelajaran dan pemudahcara (PdPc) ini.



Rajah 1.1. Model Dick, Carey & Carey (2009)




Rajah 1.2. Adaptasi Kerangka perkembangan proksimal pelajar dari Vygotsky (1978)

Berdasarkan kajian ini, pelajar yang berada dalam kawasan ZPP berpeluang untuk memaksimumkan kebolehan bahasa mereka serta mampu memahami kandungan pengajaran pada peringkat yang optimum. Menerusi ZPP, pelajar turut mampu menyesuaikan diri dalam menghadapi atau mempelajari perkara-perkara baru kerana tahap kognitif sedia ada dapat dibangunkan dan semakin meningkat kepada tahap yang lebih tinggi. Impak penggunaan teknik ZPP dan *scaffolding* sebagai kaedah pengajaran yang efektif berbanding kaedah pengajaran tradisional dalam membantu meningkatkan penguasaan pelajar terhadap pembelajaran telah terbukti dalam banyak kajian literatur (Christine Sarikas, 2020). Shooshtari (2014) membuktikan bahawa pelajar mampu menunjukkan peningkatan dalam pembelajaran bahasa dari segi kualiti penulisan dan aplikasi strategi.

Justeru, di dalam kajian ini, pendekatan PBP akan bertindak sebagai medium bagi membantu pelajar ISM Kewangan Islam dan pelajar ISM Muamalat yang mengikuti kursus BAUKI ini dalam menguasai kandungan kursus serta menyelesaikan tugas secara sendiri atau berkolaborasi dengan rakan lain yang lebih berkebolehan.

Gabungan ciri-ciri pembelajaran yang menekankan tanggungjawab, autonomi pelajar, peranan pelajar dalam membentuk pelan pembelajaran tersendiri, panduan dan tunjuk ajar pengajar yang diperlukan dalam proses PdP ini seiring dengan trend Pendidikan 4.0.



Rajah 1.3. Kerangka Konseptual Kajian Keberkesanan PdP BAUKI

1.10 Definisi Operasional

- 1- Keberkesanan: Merujuk kepada hasil pengajaran kursus bahasa Arab untuk Kewangan Islam yang menggunakan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar.
- 2- Pendekatan: Cara atau langkah yang diambil untuk memulakan (melaksanakan) sesuatu tugas, usaha dan lain-lain (Kamus Dewan Bahasa, 2016). Pendekatan dalam kajian membawa maksud kaedah dan strategi pengajaran dan pembelajaran secara menyeluruh yang menjadi sandaran dan rujukan utama dalam perancangan sesi pembelajaran dan pemudahcara (PdPc).
- 3- Berpusatkan pelajar: Menurut O'Neill & McMahon (2005), pembelajaran berpusatkan pelajar atau pemusatan pelajar ialah sebuah konsep yang meletakkan aspek pilihan pelajar dalam rangka pendidikan; penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran melebihi pensyarah pembelajaran '*active versus passive learning*'. Definisi yang lebih luas ialah pertukaran tugas antara pelajar dan pengajar. Merupakan satu strategi pengajaran yang menjadikan pelajar sebagai fokus utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sebarang suasana pembelajaran (dari segi perancangan, pengajaran, dan penilaian) yang efektif dalam yang tertumpu kepada keperluan pelajar dan hasil pembelajaran yang diperlukan (Zarina, 2007).
- 4- Pembelajaran: Proses pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan khusus. Melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran kursus BAUKI.
- 5- Reka Bentuk Pengajaran: Cadangan pembinaan rancangan pengajaran kontemporari untuk kursus BAUKI berpandukan teori Model Reka Bentuk

Pengajaran Dick, Carey, dan Carey. Berikut merupakan sembilan peringkat seperti yang dicadangkan oleh Dick, Carey, dan Carey (2005), iaitu: (1) menetapkan matlamat pengajaran, (2) melakukan analisis pengajaran, (3) mengenal pasti kelakuan masuk, (4) menulis objektif tingkah laku, (5) membina item rujukan kriteria, (6) membina strategi pengajaran, (7) membina dan memilih bahan pengajaran, (8) membina dan mengendalikan penilaian formatif, (9) mengendalikan penilaian sumatif.

- 6- Model Rancangan Pengajaran: Pelan pengajaran dan pembelajaran (Rancangan Pengajaran) yang menggariskan beberapa poin utama dalam perancangan pengajaran mingguan. Membincangkan tajuk-tajuk terpilih berkaitan dengan skop Kewangan dan Perbankan Islam. Model rancangan pengajaran ini akan bertindak sebagai rujukan, pemudah cara atau salah satu pelan pengajaran yang efektif dalam rangka pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan Muamalat kepada pelajar bukan penutur asli. Hasil akhir (*end product*) bagi kajian keberkesanan ini ialah model rancangan pengajaran P~Muamalat yang boleh dijadikan panduan bagi kaedah PdPc BAUTK yang inovatif dan berkesan selari dengan keperluan trend Pendidikan 4.0.

- 7- Pembelajaran Bahasa Arab untuk tujuan khusus: Pengajaran bahasa untuk pekerjaan atau tugas tertentu, untuk kumpulan tertentu, yang menuntut skop khas daripada bahasa asing. Ia juga melibatkan unsur-unsur dan ciri-ciri bahasa yang tertentu serta kemahiran bahasa tertentu yang diperlukan bersandarkan kepada objektif pembelajaran yang dituntut dalam amalan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. Perkataan 'Khas' yang dimaksudkan ialah program-program yang bermotifkan kepada satu objektif yang ditetapkan untuk setiap bidang bahasa serta kemahiran yang diperlukan. Ianya melibatkan

pelbagai aspek bahasa sama ada dari segi perkataan, ungkapan, istilah, dan struktur ayat yang khusus serta penggunaannya yang meluas dalam ruang lingkungan bidang-bidang tertentu (Tuaimah, 1989).

8- Bahasa Arab untuk kewangan Islam: Kursus wajib universiti yang ditawarkan untuk pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda (ISM) Kewangan Islam dan Ijazah Sarjana Muda Muamalat di empat buah IPT iaitu UPSI, UUM, USAS, dan KUIPSAS.

9- Untuk: 'for' yang membawa maksud khusus kepada golongan atau bidang pengkhususan tertentu.

10- Pembelajaran Abad ke- 21: Proses pembelajaran yang berpusatkan pelajar berteraskan elemen komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, dan kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika (Kementerian Pendidikan Malaysia) (Siti

11- Pengajaran dan pemudahcara (PdPc): Aktiviti pengajaran dan pemudahcara yang dijalankan dalam kursus BAUKI. Strategi PdPc berteraskan pendekatan PBP ini membabitkan gabungan elemen PAK21, kaedah pembelajaran koperatif, dan aplikasi teknik *Scaffolding*.

1.11 Rangka Kajian

Tesis ini dibahagikan kepada lima bahagian atau bab utama. Setiap bab dimulakan dengan pengenalan dan diakhiri dengan rumusan ringkas.



Bab pertama membentangkan pengenalan dan latar belakang kajian, disusuli dengan pernyataan masalah yang menjadi pendorong kepada pengkaji menjalankan kajian ini, kepentingan kajian iaitu sumbangan kajian terhadap bidang yang dikaji, objektif-objektif kajian, limitasi kajian, metodologi kajian, sorotan literatur dan rangka kajian.

Bab kedua membentangkan sorotan literatur yang disusun mengikut tema dan konteks kajian yang dijalankan. Secara keseluruhannya kajian adalah tertumpu kepada aspek PdPc dalam kursus BAUKI, penggunaan pendekatan PBP dalam sesi PdPc, teori bahasa untuk tujuan khusus, metodologi dan kaedah yang digunakan dalam kajian lepas. Bab ini juga turut mengupas tentang kajian model pembangunan yang berpaksikan teori Model Reka Bentuk Pengajaran Dick, Carey, dan Carey (2009).

Model ini melibatkan sembilan komponen utama iaitu: (1) menetapkan matlamat pengajaran, (2) melakukan analisis pengajaran, (3) mengenal pasti kelakuan masuk, (4) menulis objektif tingkah laku, (5) membina item rujukan kriteria, (6) membina strategi pengajaran, (7) membina dan memilih bahan pengajaran, (8) membina dan mengendalikan penilaian formatif, dan (9) mengendalikan penilaian sumatif. Tambahan lagi, bab ini juga membentangkan teori-teori asas mengenai penyediaan modul bahasa Arab untuk tujuan khusus. Pengkaji menjalankan kajian perpustakaan untuk mengumpul dan mendapatkan isi-isi penting yang dimuatkan dalam bab ini. Pandangan dan pendapat pengkaji dan pakar-pakar dalam penyediaan modul bahasa Arab dan bahasa asing lain juga turut dibincangkan dalam bab ini.





Bab ketiga membincangkan tentang metodologi penyelidikan yang merangkumi sepuluh aspek utama, iaitu (1) reka bentuk kajian, (2) populasi kajian, (3) sampel kajian, (4) instrumen kajian (5) kajian rintis, (6) pentadbiran instrumen dalam kajian rintis, (7) kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, (8) prosedur kajian, (9) pengumpulan data kajian, dan (10) penganalisan data.

Bab keempat merupakan analisis data dan penilaian terhadap dapatan yang diperolehi melalui kajian rintis terhadap 38 orang pelajar. Instrumen soal selidik digunakan sebagai medium utama untuk mengetahui amalan PdPc dalam bilik kuliah dan kecenderungan pelajar terhadap kursus dan pendekatan pembelajaran dalam bilik kuliah. Seramai 57 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda pengkhususan Kewangan Islam yang telah mengambil kursus bahasa Arab untuk kewangan Islam/Muamalat di bawah kelolaan dua buah IPT di Malaysia. Dua buah organisasi terpilih ini terdiri daripada dua buah IPT swasta yang terlibat dalam kajian berbentuk eksperimen ini. Pengkaji mengedarkan soal selidik kepada mereka untuk mendapatkan maklumat dan maklum balas terhadap pendekatan pengajaran yang didedahkan dalam bilik kuliah. Hasil analisis soal selidik digunakan untuk menguji kesesuaian dan keberkesanan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar. Selain itu, analisis kualitatif turut dijalankan di empat buah IPT termasuk IPTS yang terpilih bagi kajian eksperimental. Metode ini digunakan bagi menyokong dapatan kajian kuantitatif selain menjawab soalan kajian yang telah ditetapkan. Kaedah yang digunakan ialah temubual separa struktur, pemerhatian lapangan, dan bukti dokumen. Temubual pensyarah dan pakar bidang dijalankan sebagai kaedah triangulasi maklumat, sekali gus bertindak sebagai sokongan kepada dapatan kajian.



Bab kelima adalah rumusan, perbincangan hasil kajian, dan cadangan kajian lanjutan yang dikemukakan merujuk kepada dapatan dan sorotan kajian literatur. Bab ini juga diakhiri dengan kesimpulan dan penutup kajian ini.

1.12 Rumusan

Bab satu ini menghuraikan tentang latar belakang kajian keberkesanan pengajaran kursus BAUKI yang berlandaskan kepada teori Konstruktivism, teori pembelajaran Vygotsky, dan Model Reka Bentuk Pengajaran Dick, Carey dan Carey (2005) yang melibatkan tiga fasa utama iaitu analisis dapatan kajian, pelaksanaan PdPc menggunakan pendekatan pengajaran PBP dan PBG dan penilaian PdPc kepada kumpulan sasaran. Kemudian disusuli dengan huraian permasalahan kajian, tujuan kajian dijalankan sebagai rujukan dan panduan dalam pembentukan soalan kajian, dan kerangka teoritikal dan konseptual kajian, kepentingan kajian dan definisi operasional. Seterusnya bab ini turut membincangkan kepentingan dan limitasi kajian.